

# BULETIN

## ▶ UPKA

Edisi September - Disember 2025

### Fokus

'Spotlight' UPKA

### Kelestarian

Penarafan Pejabat Hijau

### Almanac

Persahabatan Di pejabat

### Santai Bersama

Cik Nabila

Mengukuh  
Perkhidmatan

Menjalin  
Kecemerlangan



**Spotlight:**  
Sorotan Aktiviti UPKA 2025 **3**



**Highlight UPKA:**  
Sorotan Pencapaian UPKA 2025 **5**



**Pesta Sukan Rakyat**  
Kampus Kesihatan 2025 **7**



**Kelestarian UPKA:**  
Penarafan 5 Daun **11**



**Almanac:**  
Persahabatan Ditempat Kerja **13**



**Santai Besama:**  
Cik Bella **15**

**PENASIHAT**

Encik Mohd Saberi Mohd Yusoff

**EDITOR**

Cik Wan Nurfatin Shahirah Wan Ariffin

**PEREKA**

Encik Muhamad Syakirin Hakim Khairul Nizam

**PEMBACA PRUF**

Cik Nabilah Mohd Pauzi

**PENYELARAS SUMBER**

**Bahagian Perolehan & Kewangan**

Encik Azharuddin Abdul Aziz  
Puan Suhaila Hashim

**Bahagian Pengurusan Aset & Perkhidmatan Dobi**

Puan Norashikin Aziz  
Encik Ahmad Afifi Haji Ismail

**Bahagian Sumber Manusia**

Cik Suha Eza Ibrahim  
Encik Ahmad Azwan Ab Rahman

**Bahagian Pembangunan Organisasi & Governan**

Cik Nabilah Mohd Pauzi  
Cik Wan Nurfatin Shahirah Wan Ariffin

**Kelab Kebajikan UPKA (KUPKA)**

**Unit Pentadbiran dan Kemudahan Am**  
Tingkat 1, Blok Pentadbiran,  
Hospital Pakar Universiti Sains Malaysia

# Dari Meja

## *Penasihat Buletin*

---

### بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Alhamdulillah, dengan izin Allah SWT kita, menutup tirai bagi tahun 2025 dengan penerbitan Buletin Unit Pentadbiran dan Kemudahan Am (UPKA) edisi ketiga yang merangkumi aktiviti yang berlangsung sepanjang September hingga Disember. Edisi ini menjadi penanda kepada perjalanan setahun penuh usaha, kerjasama dan pencapaian yang membanggakan buat seluruh warga UPKA.

Tahun 2025 telah memperlihatkan semangat kebersamaan yang tinggi dalam kalangan warga UPKA, bukan sahaja melalui pelaksanaan tugas dan tanggungjawab harian tetapi juga melalui pelbagai program yang telah dilaksanakan. Setiap inisiatif yang dilaksanakan menjadi bukti bahawa kejayaan besar ini lahir daripada semangat berpasukan yang utuh.

Setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan saya ucapkan kepada semua yang sentiasa menyumbang idea, masa dan tenaga dalam menjayakan pelbagai aktiviti serta penerbitan buletin sepanjang tahun ini. Semoga semangat yang ditunjukkan terus mekar dan menjadi pendorong untuk kita melangkah lebih jauh dengan azam dan inspirasi baharu pada tahun 2026.

Akhir kata, selamat menyambut tahun baharu 2026 dengan semangat yang segar dan tekad untuk terus maju bersama. Selamat membaca.



**Mohd Saberi Mohd Yusoff**  
Timbalan Pengarah (Pentadbiran)

# SPOTLIGHT

## Sorotan Aktiviti UPKA Sepanjang 2025

### JANUARI



Majlis Perpisahan Puan Hasni

13/1



Bengkel Perancangan Strategik KPI 2025

19/1

### FEBRUARI



Bengkel Jadual Pelupusan Rekod Fungsian HPUSM Bersama Arkib Negara Malaysia

2-4/2

### MAC



Fit Ramadhan Challenge UPKA

Sepanjang Mac

### JULAI



SUKJAP Kampus Kesihatan 2025

7-26/7



Tenpin Boling UPKA 2025

18/7



Program KRIS @ Kg. Sg Sok

25/7

## OGOS



Town Hall Integriti dan Etika:  
Menjaga Standard Tinggi  
Dalam Perkhidmatan

11/8



Brisk Walk Merdeka

21/8



Hari Warga Staf USM 2025

15-16/8



Kejohanan  
Tenpin Bowling  
Ambang Merdeka

25/8

## OKTOBER



Lawatan Penanda Aras  
Perkhidmatan Dobi ke  
Pusat Pengurusan Linen

8-10/10

## DISEMBER



Gotong-royong  
Pengurusan Fail  
UPKA

4/12



Anugerah  
Projek Lestari Berimpak  
Tinggi & 5 Daun

22/12

# HIGHLIGHT

## Pencapaian UPKA 2025

### Fit@HPUSM

Pelaksanaan Program Fit@HPUSM sebanyak tujuh siri sepanjang 2025



### Bengkel

Bengkel Pembangunan Jadual Pelupusan Rekod Hospital Pakar USM Bersama Arkib Negara Malaysia

### Website HPUSM

Penjenamaan Semula Laman Sesawang Rasmi Hospital Pakar USM



### APC

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2024 & Anugerah Sanjungan Budi



## Team Building

Pelaksanaan Program Team Building sebanyak 4 Siri sepanjang 2025

## Kelestarian

Anugerah Projek Lestari Berimpak Tinggi dan 5 Daun




## Hari Warga Staf

Penglibatan Hari Warga Staf USM 2025

## Buletin

Penerbitan Buletin Rasmi UPKA sepanjang 2025





## PESTA SUKAN RAKYAT HPUSM IMBAU KEMBALI KENANGAN DULU-DULU

23 September 2025

Bertemakan 'Dulu Suko Dulu', Hospital Pakar Universiti Sains Malaysia (HPUSM) telah menganjurkan Pesta Sukan Rakyat HPUSM sempena sambutan Hari Malaysia 2025, bagi mengembalikannya semula nostalgia permainan sukan zaman dahulu.

Antara permainan tradisional yang dipertandingkan termasuk tarik upih, terompah gajah, boling kelapa, lari dalam guni, pancing dalam botol dan sepak raga bualan. Staf dibahagikan kepada empat (4) pasukan mengikut warna Jalur Gemilang iaitu merah, putih, kuning dan biru. Majlis

perasmian telah disempurnakan oleh Pengarah HPUSM, Prof. Dato' Dr. Ab Rahman Izaini Ghani @ Ab Ghani yang menekankan kepentingan aktiviti sebegini dalam menyemai semangat kekeluargaan dan kesejahteraan sosial warga HPUSM.

Pasukan Kuning dari Jabatan Kejururawatan muncul sebagai juara keseluruhan manakala En Zahari Ismail dan Pn Noraida Mohd Apandi masing-masing dinobatkan pemenang bagi Kategori Pakaian Terbaik (Lelaki dan Wanita). En Md Fadhil Mat Amin pula membawa pulang hadiah saguhati bagi Kategori Peserta Paling Sporting.

Penganjuran kali pertama ini turut mendapat tajaan daripada Bank Simpanan Nasional (BSN) Kelantan dan turut dihadiri oleh Timbalan Pengarah Infrastruktur dan Aset, Dr Mohamed Ashraf Mohamed Daud; Ketua Jabatan

Kejururawatan, Pn Norhayati Mohamad serta Ketua Jabatan Farmasi, En Mohd Hanif Abdul Rahman.





Dulu Suko Dulu

دولو سوكو دولو

# TRIP LAWATAN KE PATTANI & NARATHIWAT, THAILAND



5-6 September 2025

Kelab Unit Pentadbiran dan kemudahan Am (KUPKA) telah mengadakan lawatan santai ke Pattani dan Narathiwat sebagai aktiviti tahunan kelab. Lawatan ini diadakan bagi memberi peluang kepada staf untuk menikmati masa lapang di luar kesibukan tugas harian serta merasai suasana di Selatan Thailand.

Sepanjang trip, warga UPKA berkesempatan singgah di beberapa tempat menarik serta menikmati pelbagai pilihan makanan di sana yang sememangnya terkenal dengan keenakkan masakannya. Walaupun lawatan ini secara santai, namun ianya meninggalkan kenangan yang berharga buat semua.





## GOTONG-ROYONG PENGURUSAN FAIL UPKA

4 Disember 2025

Bilik Seminar Aras 2, Blok Pentadbiran

Program gotong-royong pengurusan fail UPKA telah dilaksanakan bagi memastikan pengurusan fail dan rekod UPKA lebih teratur serta mudah diakses.

Melalui program ini, fail-fail dan rekod yang tidak lagi aktif diasingkan untuk proses pelupusan, sekali gus membantu mengoptimumkan ruang penyimpanan fail agar lebih teratur dan kemas.



## KURSUS PEMBANGUNAN DIRI DAN SAHSIAH PASUKAN, HOSPITAL PAKAR USM 2025

21-23 Disember 2025

Melaka

Kursus Pembangunan Diri dan Sahsiah Pasukan ini telah diadakan selama tiga (3) hari di Melaka bertujuan untuk meningkatkan kesedaran diri, kefahaman peranan individu dalam pasukan serta memantapkan disiplin, integrity, sahsiah kerja dan semangat kerjasama dalam membentuk budaya kerja yang professional dan positif.

Kursus ini telah melibatkan staf dari Kumpulan Pelaksana yang terdiri daripada Penolong Pegawai Tadbir, Pembantu Tadbir dan Setiausaha Pejabat dan merupakan penutup kepada pelaksanaan empat (4) siri Program Team Building Hospital Pakar USM bagi tahun 2025.

# Kelestarian UPKA Sepanjang 2025



**Kempen Kumpul & Hantar E-Waste**

Laci rumah penuh dengan kabel bersimpul? Ada powerbank lama, remote control tak berfungsi atau telefon lama yang dah "bersara"? Ini masanya untuk buang dengan bertanggungjawab - demi alam sekitar!

**27** 9.00 Pagi - 4.00 Petang  
**29** Stor Unit Pentadbiran dan Kemudahan Am, Aras Bawah  
**30** Blok Pentadbiran  
**2025** Hospital Pakar USM

Untuk Pertanyaan, Hubungi:  
Encik Azwan: Puan Syazwani:  
Tel: 017-9233306 Tel: 013-9509987  
Ext: 3013 Ext: 3025

Anjuran:  
Jawatankuasa Kelestarian Unit Pentadbiran dan Kemudahan Am, Hospital Pakar USM

**Barangan Yang Boleh Dihantar**

**Peralatan Rumah**  
Cerek elektrik  
Penggisar / blender  
Pembakar roti  
Setrika  
Mesin pencukur elektrik  
Kipas meja kecil  
Radio & jam loceng digital  
Pemain DVD/VCD

**Peralatan ICT & Gajet**  
Telefon bimbit & powerbank  
Laptop lama, tablet rosak  
Kamera digital, konsol permainan  
Fon kepala, bluetooth speaker  
Tetikus, papan kekunci, pengecas  
Kabel, wayar, adapter, plug  
Pendrive, cakera keras luaran  
Router atau modem terpakai  
Komponen komputer & papan litur

**Alat Elektronik Pejabat**  
Mesin kira (calculator)  
Alat kawalan jauh (remote)  
Projektor mini  
Telefon pejabat (wired)  
Scanner kecil

## Program Kumpul & Hantar E-Waste

9-10 April 2025

Kempen Kumpul & Hantar E-Waste merupakan usaha menggalakkan warga melupuskan sisa elektronik dengan cara yang sepatutnya dan selamat.



**Jom Sertai Program Kitar Semula Pakaian**

9 April 2025 (8 Pagi - 4 Petang)  
10 April 2025 (8 Pagi - 2 Petang)

Stor Unit Pentadbiran dan Kemudahan Am, Aras Bawah, Blok Pentadbiran

Anjuran:  
Jawatankuasa Kelestarian Unit Pentadbiran dan Kemudahan Am (UPKA) Hospital Pakar Universiti Sains Malaysia

## Program Kitar Semula Pakaian

14 April 2025

Program ini dianjurkan bagi menggalakkan warga Hospital untuk menyumbangkan pakaian terpakai yang masih dalam keadaan baik bagi tujuan kitar semula atau disalurkan kepada pihak yang memerlukan.



**Jom Sertai Program PLOGGING & GOTONG - ROYONG BLOK PENTADBIRAN HOSPITAL PAKAR USM**

**14** APRIL 2025

Perkarangan Blok Pentadbiran, Hospital Pakar USM  
8.30 Pagi - 11 Pagi

Tema Pakaian: Purple

Anjuran:  
Jawatankuasa Kelestarian Unit Pentadbiran dan Kemudahan Am (UPKA) Hospital Pakar Universiti Sains Malaysia

## Program Gotong-royong & Plogging Blok Pentadbiran

27-29 April 2025

Program ini merupakan salah satu inisiatif kelestarian yang bertujuan menyemarakkan semangat kebersamaan serta memelihara kebersihan persekitaran Blok Pentadbiran.





25 Julai 2025

Program Kelestarian  
Kesehatan dan Pendidikan:  
Komuniti Prihatin di  
Kg. Sungai Sok, Kuala Krai

Salah satu inisiatif pihak hospital dalam menyantuni masyarakat khususnya di luar bandar di samping meningkatkan kesedaran kesihatan dalam kalangan penduduk setempat.



Anugerah Program  
Berimpak Tinggi dan  
Penarafan 5 Daun UPKA

22 Disember 2025

Program Fit@HPUSM dianjurkan dengan harapan untuk mewujudkan persekitaran kerja yang lebih sihat, positif dan produktif serta menggalakkan interaksi sosial dalam kalangan warga Hospital Pakar USM.





## **PERSAHABATAN DI TEMPAT KERJA: ANTARA KEAKRABAN DAN PROFESIONALISME**

Persahabatan di tempat kerja sering terjalin hasil interaksi harian dan kerjasama dalam melaksanakan tugas di tempat kerja. Hubungan yang baik antara rakan sekerja mampu mewujudkan suasana kerja yang harmoni dan saling menyokong. Namun begitu, persahabatan di tempat kerja perlu difahami dalam konteks profesionalisme agar tidak melampaui batas yang boleh menjejaskan keharmonian organisasi.

### **Persahabatan dalam Konteks Profesionalisme**

Dalam persekitaran kerja, persahabatan seharusnya berteraskan rasa hormat, kepercayaan dan kerjasama. Persahabatan akrab di tempat kerja bukan ruang untuk mewujudkan keistimewaan atau pengecualian terhadap peraturan yang ditetapkan. Hubungan baik antara rakan sekerja perlu seiring dengan tanggungjawab dan amanah yang dipikul oleh setiap individu. Setiap individu tetap terikat dengan tanggungjawab, peraturan dan etika kerja yang perlu dipatuhi tanpa dipengaruhi oleh hubungan peribadi.

### **Kesan Persahabatan yang Melampaui Batas**

Persahabatan yang tidak dikawal boleh menimbulkan pelbagai implikasi negatif seperti wujudnya sikap pilih kasih, kesukaran menegur kesilapan, penyalahgunaan kepercayaan yang akhirnya boleh mengganggu disiplin dan etika kerja. Situasi ini bukan sahaja memberi kesan kepada individu yang terlibat, malah akan menjejaskan imej sesebuah organisasi.

### **Menetapkan Batas Dalam Hubungan di Tempat Kerja**

Batas dalam hubungan persahabatan di tempat kerja penting bagi memastikan profesionalisme dan keharmonian organisasi sentiasa terpelihara. Persahabatan seharusnya menjadi sokongan dalam melaksanakan tugas, bukannya alasan untuk mendapatkan layanan istimewa, sikap pilih kasih atau pengabaian peraturan. Dengan menjaga batas, persahabatan di tempat kerja akan kekal matang, saling menghormati dan akan mewujudkan suasana kerja yang harmoni tanpa perselisihan faham antara satu sama lain.



# Persahabatan yang Membina, Bukan Merosakkan

---

Persahabatan di tempat kerja seharusnya menyumbang kepada kesejahteraan emosi dan peningkatan prestasi bukannya menjadi punca tekanan atau salah faham. Hubungan yang sihat akan mendorong kepada sikap saling menghormati, tolong menolong dan bekerjasama demi kepentingan bersama.

# Santai Bersama

# Cik Bella



## Sepanjang kerjaya Cik Bella, apakah pengalaman yang paling meninggalkan kesan kepada diri?

Pengalaman yang paling memberi kesan kepada saya ialah penglibatan semasa tempoh pandemik, apabila saya dilantik sebagai petugas kaunter saringan dan bertanggungjawab memasukkan maklumat pesakit ke dalam sistem e-COVID. Melalui tugas ini, saya berpeluang berurusan secara langsung dengan pesakit dan waris, serta merasai sendiri suasana kerja yang mencabar ketika itu. Pengalaman tersebut banyak mengajar saya tentang kesabaran, tanggungjawab dan cara berinteraksi dengan pelbagai latar belakang masyarakat.

## Boleh Cik Bella perkenalkan diri dan latar belakang secara ringkas?

Terima kasih dan salam perkenalan semua warga UPKA. Saya Nabilah binti Mohd Pauzi, berusia 31 tahun dan berasal dari Kubang Kerian, Kota Bharu Kelantan. Merupakan anak kedua daripada empat beradik. Dari segi pendidikan, saya mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Islam Aman, seterusnya menyambung pengajian di Maahad Pengajian Islam sebelum melanjutkan Pelajaran ke Universiti Sains Islam Malaysia. Saya berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi dengan Kepujian.



## Bagaimana perjalanan kerjaya Cik Bella sebelum menyertai UPKA?

Sebelum menyertai UPKA, saya berkhidmat di Unit Rekod Perubatan selama kira-kira lima tahun. Saya memulakan kerjaya sebagai Pembantu Tadbir secara Pekerja Sambilan Harian pada September 2019 sebelum ditawarkan jawatan kontrak Tanpa Waran pada April 2021. Pada November 2024, saya memulakan tugas sebagai Pegawai Tadbir di Unit Pentadbiran dan Kemudahan Am dan kini ditempatkan di Bahagian Pembangunan Organisasi dan Governan.



Selain itu, saya juga dapat merasai semangat kerjasama dalam kalangan kakitangan, terutamanya ketika menayakan pelbagai program dan majlis seperti sambutan Hari Raya peringkat hospital dan kampus. Setiap tugas dilaksanakan secara bersama-sama, bermula daripada persiapan hiasan sehingga majlis selesai. Suasana kerja yang saling membantu dan bekerjasama ini menjadikan pengalaman bekerja lebih bermakna dan menyenangkan.

## Apakah prinsip yang selalu Cik Bella pegang ketika bekerja?

Prinsip yang sentiasa saya pegang dalam bekerja ialah melaksanakan setiap tugas dengan penuh amanah dan berusaha melakukannya sebaik mungkin. Bagi saya, tanggungjawab bukan sekadar menyelesaikan kerja, tetapi memastikan setiap tugas dilaksanakan dengan teliti, jujur dan penuh komitmen.



## Soalan Santai untuk Cik Bella

- \* Makanan kegemaran  
Nasi Kerabu Dan Desert

- \* Aktiviti/Hobi yang Cik Bella gemar lakukan untuk menghilangkan tekanan kerja.

Saya gemar meluangkan masa di tepi pantai sambil menikmati pemandangan laut yang luas serta mendengar deruan ombak bagi menghilangkan tekanan dan merehatkan minda kerana bagi saya suasana ini menenangkan dan minda saya menjadi lebih lapang menenangkan

- \* Jika diberi cuti panjang, ke manakah destinasi impian Cik Bella

Saya ingin mengembara ke Sarajevo, Bosnia

- \* Moto hidup yang selalu Cik Bella pegang

Percaya pada diri sendiri dan sentiasa berusaha serta tawakal kepada Allah akan membawa kejayaan



*Selamat  
Maju Jaya  
Cik Bella!*



# Mengukuh Per Menjalin



# khidmatan Kecemerlangan

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
Hal Pengajar Universiti  
Pendidikan Tinggi



**DITERBITKAN OLEH:  
UNIT PENTADBIRAN & KEMUDAHAN AM**